

**PENERAPAN NILAI AKHLAK DALAM KALANGAN KELUARGA MUSLIM:
SEPANJANG TEMPOH PANDEMIK COVID-19**

SITI RASHIDAH ABD RAZAK

Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor.

sitirashidah@kuis.edu.my

0192827304

NORAINI MOHAMAD (Dr)

Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor.

norainimohamad@kuis.edu.my

0199437458

SITI ZALEHA IBRAHIM

Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor.

sitzaleha@kuis.edu.my

AHMAD FITRI ASMAD

Calon Program Sarjana, Kuliyyah Pengajian Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan penerapan nilai akhlak dalam keluarga Muslim. Ini berikutan kes keruntuhan akhlak yang sentiasa ada. Di negeri Selangor sahaja pada 2021, Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) bertemu seramai 1,046 asnaf ar-Riqab di bawah Rumah Pemulihan Ar-Riqab MAIS. Sebanyak 26 buah Rumah Pemulihan Riqab (RPR) yang telah berdaftar di bawah MAIS terlibat dalam usaha pemulihan pelbagai isu termasuk akhlak. Objektif penulisan ini adalah mengkaji kefahaman pembentukan akhlak dalam keluarga Muslim. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil sampel kajian daripada tiga keluarga muslim. Pemilihan sampel adalah berdasarkan keluarga yang mendapat pengiktirafan dalam anugerah tertentu dan mempunyai keterlibatan yang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Data dikumpul melalui protokol temubual separa berstruktur. Dapatkan temubual dianalisis secara analisis tematik selain mengambil sumber perpustakaan berkaitan. Berdasarkan dapatkan kajian, penerapan nilai akhlak dalam keluarga merupakan satu benteng utama dalam pembentukan akhlak dalam kalangan ahli masyarakat selain dipengaruhi faktor persekitaran yang pelbagai. Kajian ini boleh memberi sumbangan kepada pendidikan dan kemahiran keibubapaan dalam menangani isu akhlak dalam kalangan anak-anak.

Kata Kunci: penerapan nilai akhlak, keluarga Muslim, pembentukan akhlak, faktor persekitaran.

PENDAHULUAN

Kes keruntuhan akhlak sentiasa ada. Pada 2021, Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) bertemu seramai 1,046 asnaf ar-Riqab di bawah Rumah Pemulihan Ar-Riqab MAIS. Sebanyak 26 buah Rumah Pemulihan Riqab (RPR) yang telah berdaftar di bawah MAIS terlibat dalam usaha pemulihan pelbagai isu termasuk akhlak. Keadaan ini menunjukkan bahawa kes keruntuhan akhlak tetap berlaku walaupun pada musim pandemik. Hakikatnya, proses penerapan nilai-nilai Islam perlu diajar dan diterapkan dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Penerapan nilai akhlak dalam keluarga merupakan salah satu daripada perkara penting yang perlu diutamakan kerana ibubapa atau ketua keluarga bertanggungjawab dalam memastikan akhlak anak dan ahli keluarga sesuai seperti dianjurkan Islam. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka.”

Surah al-Tahrim:6

Berdasarkan ayat tersebut Sufyan As-Sauri telah meriwayatkan dari Mansur, dari seorang lelaki, dari Ali ibnu Abu Talib RA sehubungan dengan makna firman-Nya: peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka. (At-Tahrim: 6) Makna yang dimaksud ialah didiklah mereka dan ajarilah mereka.(Ibnu Kathir,2015).

Ali ibnu Abu Talhah pula telah meriwayatkan dari Ibnu Abbas sehubungan dengan makna firman-Nya: peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka. (At-Tahrim: 6) Yakni amalkanlah ketaatan kepada Allah dan hindarilah perbuatan-perbuatan durhaka kepada Allah, serta perintahkanlah kepada keluargamu untuk berzikir, nescaya Allah akan menyelamatkan kamu dari api neraka.(Ibnu Khatir,2015).

Oleh itu, bagi memastikan menyelamatkan diri dari api neraka setiap muslim perlu merenung tiga aspek penting iaitu akidah,syariah dan akhlak sejajar dengan tuntutan Islam. Kertas kerja ini akan mengulas hasil kajian ringkas tentang penerapan nilai akhlak dalam keluarga muslim sepanjang pandemik Covid-19.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini membincangkan elemen penerapan nilai akhlak dalam kalangan keluarga muslim sepanjang pandemik Covid-19. Kajian ini dilaksanakan berikutan pengabaian nilai akhlak dan adab turut memberi kesan yang negatif kepada individu Muslim. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Norullisza Khosim et al (2019), kemajuan di Barat dalam teknologi dan bidang-bidang lain tidak menjanjikan kemajuan dalam pembentukan masyarakat yang bernilai tinggi, kerana masalah sosial yang berlaku adalah sangat membimbangkan. Hal ini adalah disebabkan hilangnya nilai, akhlak dan adab dalam kehidupan sehari-hari mereka. Pada 2021, Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) bertemu seramai 1,046 asnaf ar-Riqab di bawah Rumah Pemulihan Ar-Riqab MAIS.(Mohd Izzatul Izzuan Tahir,2021). Kajian ini turut menumpukan penerapan nilai akhlak sepanjang menghadapi pandemik Covid-19. Berikut dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) kebanyakan warga duduk di rumah, justeru pengkaji mengkaji elemen penerapan akhlak yang dilaksanakan oleh ibu bapa dalam keluarga muslim sepanjang pandemik.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji kefahaman pembentukan akhlak dalam keluarga Muslim.
2. Mengenalpasti peranan nilai akhlak dalam kehidupan muslim
3. Mengetahui elemen penerapan nilai akhlak dalam kalangan keluarga muslim sepanjang pandemik Covid-19.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini memberi solusi kepada permasalahan yang berlaku dalam institusi keluarga muslim pada masa kini khususnya yang melibatkan masalah emosi, keganasan fizikal dan keruntuhan dalam institusi keluarga melalui penghayatan Islam. Selain itu, kajian ini dapat melahirkan individu dan keluarga Muslim yang sihat dan bebas dari tekanan baik dari segi emosi maupun sosial sepanjang menghadapi pandemik mahupun situasi semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Metode yang digunakan dalam penulisan ini adalah berdasarkan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan fenomenologi.Kaedah pengumpulan data ialah melalui temu bual

soalan separa struktur dan analisis dokumen. Analisis data temu bual adalah berdasarkan analisis tematik manakala data dokumen berdasarkan analisis kandungan secara deskriptif. Pemilihan sampel adalah berdasarkan kepada 3 buah keluarga Muslim di Selangor.

DAPATAN KAJIAN

Kefahaman Pembentukan Akhlak Dalam Keluarga Muslim.

Kajian mendapati penerapan nilai akhlak dalam keluarga merupakan satu benteng utama dalam pembentukan akhlak dalam kalangan ahli masyarakat selain dipengaruhi faktor persekitaran yang pelbagai. Dapatkan ini sejajar dengan hasil kajian Kokom St. Komariah (2011) menyatakan bahawa proses penerapan nilai akhlak ini perlu dilakukan sejak awal lagi dimulai dengan pembinaan akidah dan menanam nilai-nilai akhlak mulia seperti cara-cara berkomunikasi, cara berpakaian, cara memilih teman dan ditanamkan sifat-sifat yang baik, malah proses ini bukan sahaja dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa tetapi memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak iaitu institusi kekeluargaan, institusi pendidikan dan masyarakat keseluruhannya. Antara agen penting dalam pembentukan akhlak seorang individu termasuk ibubapa dan keluarga, guru, rakan sebaya,institusi juga masyarakat. Lima cabaran utama telah dikenalpasti dalam pembentukan akhlak anak-anak.(i) individu/anak itu sendiri (ii) rakan sebaya (iii) guru (iv) ibu bapa/penjaga dan (v) media dan masyarakat(Siti Rashidah, et all,2020). Anak-anak kurang sentuhan kasih sayang dari ibu bapa dan terlalu didedahkan dengan sentuhan teknologi.(Sidek Baba, 2009).

Kepentingan Nilai Akhlak Dalam Kehidupan Muslim

Kajian turut menemui akhlak berperanan penting dalam kehidupan muslim. Ini sejajar dengan perutusan Rasulullah SAW kepada umat manusia untuk menyempurnakan keindahan akhlak. Setiap orang yang beriman dituntut untuk mencontohi sifat-sifat yang terpuji. Hal ini berikutnya, agama Islam amat menitikberatkan keindahan akhlak. Perkara ini disebut berdasarkan sebuah hadith yang sahih daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعْثَثُ لِأَنَّمَّا صَالِحُ الْأَخْلَاقَ

Maksudnya: “Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”

[Riwayat Ahmad (8952)][Syeikh Syu'aib al-Arna'outh menilai hadith ini sebagai sahih dan sanadnya kuat]

Di dalam al-Quran juga, Allah SWT telah mengakui bahawa kekasih-Nya Rasulullah SAW adalah contoh teladan yang terbaik untuk diikuti sebagaimana firman-Nya:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ

(al-Ahzab:21)

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.”

Nilai-nilai Islam ini mempunyai peranan tersendiri untuk membangunkan individu dari sudut lahiriah dan sahsiah diri (Khairul Hamimah Mohammah Jodi, 2018). Ini membuktikan bahawa nilai-nilai Islam berperanan penting dalam kehidupan manusia secara keseluruhannya.

Mengetahui Elemen Penerapan Nilai Akhlak Dalam Kalangan Keluarga Muslim Sepanjang Pandemik Covid-19.

Berdasar protokol temubual secara separa berstruktur yang telah dijalankan. pengkaji dapat mengetahui elemen penerapan nilai akhlak dalam kalangan keluarga muslim sepanjang pandemik Covid-19 seperti yang berikut:

6.1 Penerapan akhlak

Proses penerapan akhlak perlu dimulakan oleh ibu bapa. Ini bersesuaian dengan hasil kajian yang menyatakan setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan agenda pembentukan akhlak pelajar dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa mengharapkan peranan dari pihak guru pendidikan Islam(GPI) semata-mata.(Siti Rashidah,et all,2016). Elemen penerapan akhlak yang telah dilaksanakan sepanjang pandemik termasuklah seperti yang berikut:

6.1.1 Bagi ilmu.

Bagi memastikan penerapan akhlak berlangsung dengan baik ibubapa perlu berperanan untuk memberi ilmu tentu perkara yang betul atau salah kepada anak.

PK1 menyatakan:

“Pertama sekali, ilmu. Kita kena bagi ilmu. Kalau takde payah seseorang nak menghargai sifat tu betul ke tak betul.”

6.1.2 Qudwah hasanah

Ibubapa perlu menunjukkan contoh terbaik kepada anak-anak.

PK1 menyatakan *“Dia ada dua yang kita boleh simpulkan qudwah dan tazkirah. Qudwah ni memang power la, tazkirah ni dari semua sudut la.” Melalui percakapan kita, sentiasa memberitahu, bercakap, memberi peringatan, memberi amaran termasuk dalam tazkirah.*

Perkara ini turut ditekankan oleh PK2 dengan menyatakan:

“Jadi saya nak sebut di sini, bila kita cakap tentang akhlak ni; satu ialah apa yang kita tunjukkan adalah penting untuk anak kita. Sebab benda yang sama juga saya dapat dari ibu bapa saya, bila kita cuba praktik kesesuaian akan berubah. Jadi akhlak tu daripada sekitar kita la.”

6.1.3 Tazkirah

PK3 menyatakan:

Kalau peranan Ibu Bapa ni, macam biasalah, pertama sekali; tazkirah tu, nasihat tu benda yang bertersusan, begitu jugak dari dulu sampai sekarang pun nasihat. Nasihat tu tak semestinya secara formal, di meja makan, kadang-kadang berleter tu suka sangat, ketika nak bangun atas katil tu kita doakan dia; talqinkan dia.Betul tau, talqin tu sebenarnya bagus tu, nak bagi dia faham kan, tapi jangan ada unsur-unsur marah la ya.”

6.1.4 Memberi hukuman yang sesuai

PK3 menyatakan:

Denda ada, ada setengah orang dia tak bagi dia tak bagi duit saku la, saya tak. Saya rasa tak sesuai. Sebab saya takut nanti diorang curi, lagi bahaya. Jadi bagi saya denda tu boleh, tapi jangan sampai ia terjerumus pada benda maksiat yang lebih. Tapi banyak nasihat, itu saya kata akhir-akhir ni kita belajar psychology, reverse psychology, talqinkan di telinga dia dan jangan ada rasa marah, balas balik rasa marah tu dengan rasa kasihan.”

6.1.5 Memberi peringatan banyak kali

Ibubapa tidak boleh berputus asa dalam memberi nasihat dan peringatan kepada anak-anak. Selain banyak kali ia perlu dilakukan secara berperingkat.

Perkara ini dikuatkan dengan penyataan PK1

“Antaranya kita tegur secara baik, kadang-kadang perlu bersama orang lain secara umum; “siapa-siapa jangan buat macam ni”, ataupun secara individu berdepan. Contohnya kita nak pastikan dia ambik tak barang kakak dia ke, abang dia. Biasanya bab-bab agak yang sulit secara individu lah.”

- 6.2 Ganjaran yang diberikan jika anak-anak melakukan kebaikan
- 6.2.1 Puji, peluk, ucapan terima kasih, budayakan dalam masyarakat, belanja makan
- PK 1 menyatakan bahawa pertama sekali, kita puji; *“comel,bagus”*. *Kita ungkapkan ucapan terima kasih, budayakan terima kasih dalam keluarga. Tapi bila dapat menantu, “terima kasih Ummi, Ummi masak sedap harini”*. Jadi adik beradik yang lain dengar, *“terima kasih Ummi, masak harini sedap”*. Manakala PK3 pula menyatakan ada memberi ganjaran dari sudut material. *“Biasa saya bagi material la, dulu tak mampu nak bagi kan. Tapi bukan baru tapi mungkin second hand, jadi kita bagi ganjaran masa dia selesai buat Diploma dulu saya bagi laptop; laptop tu pun mahal sikit. Saya bagi hadiah ni supaya tidak ada alasan untuk dia cari pihak lain untuk dia dapat benda-benda tu.”*
- 6.3 Melatih anak-anak untuk bersikap sabar.
- Terdapat beberapa kaedah untuk melatih anak untuk bersikap sabar. Antaranya ialah seperti peluk anak ketika marah, letak dada rapat pada ibu dan meminta anak duduk sekiranya berdiri.
- 6.3.1 Peluk ketika marah
- Ketika anak sedang sedang, ibu bapa perlu mengawalnya dengan memeluk anak tadi. ”Sebagaimana kenyataan PK1: *“kalau dia tengah marah kan. Peluk, peluk ni powerlah”*
- 6.3.2 Letak dada anak rapat ke ibu, bagi rasa degup jantung
- Selain itu, ibu bapa juga boleh meletakkan anak tadi rapat ke dada. Anak akan tenang apabila merasa degup jantung ibu atau bapa. Ini bersesuaian dengan kenyataan PK1: *“Bila dia rasa macam nak marah kat seseorang kan, kita ambik dada dia dekat dengan dada kita. Dia akan rasa.”*
- 6.3.4 Minta duduk jika berdiri, minta rendahkan suara jika kuat
- Cara untuk melatih anak sabar juga ialah dengan meminta anak duduk sekiranya berdiri. ibu bapa juga perlu meminta anak untuk merendahkan suara sekiranya kuat. ini bertepatan dengan kenyataan PK1: *“Ataupun dia tengah marah (berdiri), kita suruh dia duduk. Kita sendiri rendahkan suara supaya dia pun rendahkan suara.”*
- 6.3.5 Usap belakang anak boleh menyebabkan lebih tenang dan bersabar, kurang memberontak.
- Perbuatan mengusap belakang anak wajar dipraktikkan oleh ibu bapa. Perbuatan ini membantu anak berada lebih tenang dan bersabar selain kurang memberontak. Sebagaimana kenyataan PK1: *“Satu lagi, kita boleh usap belakang. Usap belakang ni sebenarnya syariat Nabi Yusuf. Dulu masa tolong buat tesis Ummi dekat Mesir, ana ada baca satu tafsir. Umat dulu kalau nak mintak maaf, dia pergi gosok belakang, jadi rupanya gosok belakang ni boleh menyebabkan kita reda dan rasa bersabar sikit, tak rasa nak memberontak dan sebagainya.”*
- 6.3.6 Beri peringatan
- Ibu bapa juga perlu memberi peringatan dan nasihat kepada anak-anak supaya

bersabar menghadapi sesuatu perkara. Sebagaimana yang dinyatakan oleh PK3: “Anak saya yang kahwin baru ni kan; “ni bukan segala-galanya, kenikmatan tidak berkekalan, jadi hargailah sebaik mungkin ya supaya akhirnya dia bawak benda tu pada aqidah, setiap apa kenikmatan yang ada kita kena syukur dan bila kita syukur, Allah akan tambah lagi. Kena sabar, kena banyak sabar dan kita kena yakin bahawa insyaAllah Allah akan... Inna Maal Usri Usra. Itu penting lah”.

Tambahan pada kenyataan itu, PK3 juga mengajak anak beliau untuk melihat sesuatu yang positif di sebalik musibah dan ujian yang dihadapi. Katanya: “bila eksema ni; dia malu dengan kawan sebab warna dia tak sama dengan kawan. Mujur dia lelaki, kalau perempuan lagi down la, jadi dia nak SPM ni, jadi kita tanamkan dekat dia supaya dia banyak sabar. Supaya bila menceritakan kepada dia bahawa ada orang lebih teruk lagi la, tapi yang Allah uji sekarang ni dia kena tabah untuk hadapinya dan dia kena sentiasa look at the bright side (melihat pada benda-benda positif)”.

Kenyataan ini disokong oleh PK2: “dia akan sebutlah nasihat supaya sabar; “kadang Allah beri bukan apa yang kita nak, tapi apa yang kita perlu”.

6.3.7 Ibu bapa tunjuk contoh

Sabar bukan sekadar dengan ucapan, malahan perlu dibuktikan dengan amalan. Sebagaimana kenyataan PK2: “dia tak ada la sebut tapi dari sudut implementasi; nak terapkan lebih kepada banyak bercerita pengalaman dia. Pengalaman dia belajar, dengan tak ada biasiswa, pergi belajar kat luar. Jadi dia nak ajar kita ni; kita semua benda dah ada dekat depan mata, takkan tak sabar lagi”

6.4 Menutup aurat

Anak-anak perlu dilatih dan diajar untuk menutup aurat sedari kecil lagi. Terdapat beberapa pendekatan dalam mendidik anak-anak untuk menutup aurat seperti mendedahkan ilmu tentang aurat dan menyediakan pakaian yang sesuai.

6.4.1 Bagi ilmu tentang aurat, batas aurat, mahram, panduan surah al-Nisa’, buat lakaran dan jelaskan

Anak-anak perlu diberi pengetahuan berkaitan aurat dan batas aurat antara mahram dan ajnabi. Ibu bapa boleh melakar dan menjelaskan anggota dalam kategori aurat. Sebagaimana kenyataan PK1: “Ilmu ni kena bagitahu aurat dia kat mana, kemudian siapa batas aurat; kalau dengan adik beradik ada batas aurat ke tak. Kadang-kadang, duduk sama-sama perempuan; ada ke tak. Kena sentiasa bagi ilmu dan bertanya. Dan kena bagitahu jugak makhrum tu siapa. “Kalau dengan atuk boleh ke tak? Kalau dengan atuk tiri boleh ke tak? Bila nenek dah lama menjanda, kahwin dengan pak sedara”. Tanya dan buat soalan dekat anak-anak, “Ummi boleh bukak tudung tak dekat Tok Ki?” Jadi kitalah kena terangkan, kenapa tak boleh. Kita ambik panduan surah an Nisa, kita bahaskan dekat situ, kita buat lakar. Itu ilmu”

6.4.2 Sediakan pakaian yang sesuai, tak jarang, tak ketat, longgar dan menutupi, beli pakaian dan cuba, aurat terjaga dengan pemakaian yang sesuai walaupun tidak ikut trend semasa.

Anak-anak perlu diberi pakaian yang sesuai dengan usia dan tahap kematangannya. Pakaian yang menutup aurat adalah dalam kategori tidak jarang, tidak ketat, longgar dan menutupi seluruh tubuh. Ini sangat penting agar aurat terjaga dengan pemakaian yang sesuai dan tidak ikut trend semasa. Sebagaimana kenyataan PK1: “kita sediakan pakaian yang macam mana. Yang penting tak jarang, tak ketat, longgar dan menutupi. Beli pakaian, test dulu,

cuba jalan depan Ummi, Ummi jalan depan adik. Tengok, nampak menarik perhatian tak? Kalau nampak gelek-gelek ke apa, takpayah pakai baju ni, tukar. Ada jugak yang jubah tapi melekat, jangan pakai. Takpe orang kata kita tak up to date pun tapi badan kita terjaga. Itu diantara yang kita tekankan tentang pemakaian”

6.4.3 Dilatih dari kecil

Menutup aurat perlu dilatih sedari kecil. Bertepatan dengan kenyataan PK2: “Kalau tutup aurat ni saya tak ingat, tapi seingat saya dari kecil tu memang dah dilatih dengan pakai tudung tu la.”

6.5 Pergaulan dengan yang berlainan jantina dan sebagainya

6.5.1 Tidak mengamalkan pergaulan bebas.

Apabila anak-anak telah dilatih sejak awal untuk menjaga batas pergaulan maka mereka tidak mengamalkan pergaulan bebas. Ini bertepatan dengan pernyataan PK1 yang menyatakan:

Kalau pergaulan dengan yang berlainan jantina memang kita dah sebut dari kecil lagi dan kita cuba usahakan sekolah yang tidak mengamalkan pergaulan bebas. Lelaki pakai tangga ni, perempuan pakai tangga ni. Itu sebenarnya penting untuk melatih anak kita dapat membezakan pergaulan bebas atau tidak. Sebab haritu ada family day, dalam masa yang sama ada agency lain buat (sekolah antarabangsa), campur laki perempuan. “Tak best la Ummi, campur laki perempuan”. Masa riadah nampak bercampur-campur. Sebab ramai tak tahu, pergi sekolah tengok bercampur, tak jaga.”

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian mendapati peranan ibubapa sangat penting dalam penerapan nilai akhlak anak. Peranan ini semakin ketara sepanjang pandemik Covid-19 berikutan kebanyakan ahli keluarga duduk di rumah terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) diwartakan. Analisis dokumen antaranya daripada laporan yang menyatakan Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) bertemu seramai 1,046 asnaf ar-Riqab di bawah Rumah Pemulihan Ar-Riqab MAIS menunjukkan kes kebejatan akhlak masih berlaku walaupun ketika musim pandemik. Peranan ibu bapa dalam proses penerapan akhlak anak-anak di rumah dapat menangani isu keruntuhan akhlak daripada semakin meruncing. Proses penerapan nilai akhlak ini sepatutnya dibentuk dari usia kecil dan bermula dari rumah anak-anak di mana anak-anak dibesarkan. Ibubapa perlu menyediakan diri dengan ilmu dan menjadi qudwah kepada anak-anak bagi menerapkan nilai akhlak dan meraikan realiti masa kini bagi memastikan penerapan akhlak dapat dijalankan secara holistik sesuai dengan tuntutan agama. Elemen penerapan nilai akhlak dalam kalangan keluarga muslim sepanjang pandemik Covid-19 berdasarkan dapatan kajian pengkaji perlu diperhalusi bagi menyediakan garis panduan kepada ibubapa dalam mendepani cabaran penerapan nilai akhlak terhadap anak-anak termasuklah dalam mendepani sebarang situasi pandemik.

RUJUKAN

- Khairul Hammah M.J. (2018).Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Dan Rawatan Dادah Di Pengasih.Islamiyyat . Vol: 40(2)
- Kokom St.K. (2011). Model Pendidikan Nilai Moral Bagi Para Pelajar Menurut Perspektif Islam dalam Jurnal Pendidikan Agama Islam Ta’lim Vol: 9(1).
- Mohd Izzatul Izzuan Tahir,2021

<https://www.sinarharian.com.my/article/158743/EDISI/Isu-sosial-mental-meningkat-akibat-pandemik-MAIS> (diakses pada 7 November 2022)

Sidek Baba, 2009 dalam Cabaran Dalam Pembentukan Akhlak Anak-Anak Pada Era Globalisasi: Merentasi Revolusi Industri 4.0
http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/004_ID007_Cabaran_Dalam_Pembentukan_Akhlek_Anakanak.pdf#:~:text=Individu%20atau%20diri%20anak%20itu%20sendiri%20merupakan%20cabaran,agama.%20Sebagaimana%20firman%20Allah%20SWT%20yang%20bermaksud%3A%20Maksudnya%3A diakses pada 7 November 2022)

Siti Rashidah et all,(2020)

http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/004_ID007_Cabaran_Dalam_Pembentukan_Akhlek_Anakanak.pdf#:~:text=Individu%20atau%20diri%20anak%20itu%20sendiri%20merupakan%20cabaran,agama.%20Sebagaimana%20firman%20Allah%20SWT%20yang%20bermaksud%3A%20Maksudnya%3A diakses pada 2 November 2022).

Siti Rashidah et all(2016), (PDF) CABARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PEMBENTUKAN

AKHLAK PELAJAR. Available from:
https://www.researchgate.net/publication/349042049_CABARAN_GURU_PENDIDIKAN_ISLAM_DALAM_PEMBENTUKAN_AKHLAK_PELAJAR
[accessed Nov 30 2022].

<http://www.ibnukatsironline.com/2015/10/tafsir-surat-at-tahrim-ayat-6-8.html>

(diakses pada 27 November 2022)

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/2796-irsyad-al-hadith-siri-ke-304-hadith-berakhhlaklah-seperti-akhhlak-allah> diakses pada 20 November 2022)
Riwayat Ahmad (8952)][Syeikh Syu'aib al-Arna'outh menilai hadith ini sebagai sahih dan sanadnya kuat]